

7

Ramadan Memupuk Kesedaran Berzakat

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَرَضَ الصِّيَامَ وَزَكَاتَ الْفِطْرِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ وَجَعَلَ فِيهِ
 لَيْلَةً خَيْرًا مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
 لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
 مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الَّذِي
 أَحْيَاهُ مَسْكِينًا وَأَمَاتَهُ مَسْكِينًا وَأَحْشَرَهُ مَعَ زُمْرَةِ الْمَسَاكِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمَوْءُؤُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَعَلَمُوا أَنَّ
 اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan sidang hadirin sekalian, agar marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, dengan sentiasa patuh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”

(QS Ali-Imran (3):102)

Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah Sekalian...

Adapun khutbah Jumaat kita pada kali ini adalah bertajuk “**RAMADAN MEMUPUK KESEDARAN BERZAKAT.**”

Salah satu pengajaran sepanjang bulan Ramadan yang telah sekian lama dilalui oleh umat Islam adalah bertujuan mendidik jiwa kita supaya insaf akan nasib golongan fakir miskin dan prihatin terhadap kesengsaraan mereka. Fenomena keinsafan yang dicetuskan menerusi ibadat puasa diterjemahkan melalui pelaksanaan ibadah zakat khususnya zakat fitrah sebagai bukti keprihatinan kita terhadap golongan tersebut. Diberitakan dalam sebuah hadis bahawa Ibnu Abbas r.a berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ
اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ.

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w telah memfardhukan zakat fitrah (pada bulan Ramadan) untuk mensucikan bagi orang yang berpuasa daripada segala perbuatan lagha (keji) dan perkataan yang buruk (yang dilakukan ketika sedang berpuasa) dan untuk dijadikan makanan bagi orang-orang yang miskin...”

(HR Abu Daud)

Fenomena Ramadan dimana pematuhan pensyariaan zakat fitrah dan pengagihannya berlangsung disamping pada siang harinya umat Islam berlapar dahaga dan pada malam harinya pula memakmurkan masjid serta memperbanyakkan ibadah sunat, mengumpulkan seribu makna dan hikmah. Ini termasuklah meningkatkan pengabdian kepada Allah s.w.t, memupuk sifat pemurah, menanam kesedaran hidup bermasyarakat dan mendidik sikap peduli terhadap saudara seagama yang memerlukan pembelaan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Kaum Muslimin Sidang Jumaat Sekalian...

Kewajipan menunaikan zakat fitrah sebenarnya terletak di atas bahu setiap orang Islam yang mempunyai lebih makanan atau harta daripada keperluan diri dan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya. Ini termasuk juga orang yang masih hidup di kala matahari terbenam di hari akhir dalam bulan Ramadan atau meninggal dunia selepas terbenamnya matahari pada hari akhir dalam bulan Ramadan. Begitu juga kanak-kanak yang dilahirkan sebelum matahari terbenam pada hari akhir dalam bulan

Ramadan dan hidup selepas terbenamnya matahari serta orang yang memeluk agama Islam sebelum terbenam matahari pada hari akhir dalam bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya.

Namun begitu, selain zakat fitrah terdapat beberapa jenis zakat yang diwajibkan ke atas umat Islam yang memiliki harta dan kekayaan. Ini termasuklah zakat emas dan perak, wang simpanan, barang-barang perniagaan, binatang ternakan, pertanian, zakat pendapatan dan saham, zakat galian, 'kunuz' dan 'rikaz' yang kesemuanya dikategorikan oleh para ulama sebagai zakat harta. Dalam hubungan ini, Allah s.w.t telah menjanjikan ganjaran yang berlipat kali ganda kepada mereka yang menunaikan ibadah tersebut dan memberi amaran keras kepada golongan yang ingkar. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya : “Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah (yakni berzakat), maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab seksa yang tidak terperi sakitnya. Pada hari itu, emas dan perak (harta benda yang mereka miliki) akan dibakar di dalam api neraka lalu diselar ke dahi mereka, rusuk mereka dan di belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka), inilah harta benda

mu yang kamu himpulkan untuk diri kamu sendiri. Oleh itu, rasakanlah azab-Ku yang amat pedih akibat dari apa yang kamu himpulkan.”

(QS al-Taubah (9):34-35)

Imam Nawawi rahimahullah berkata: “Sesiapa yang mengingkari kefardhuan zakat pada zaman ini, maka dia telah kafir dengan ijmak orang-orang Islam. Pengetahuan tentang kewajipan zakat telah tersebar secara meluas di kalangan umat Islam, sehinggakan ia diketahui oleh orang awam dan khusus, orang alim dan jahil. Oleh itu, tidak ada alasan bagi sesiapaupun membuat sebarang pentakwilan untuk mengingkarinya.”

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Bulan Ramadan yang sinonim sebagai bulan berlapar dan dahaga tidak jemu-jemu kunjung tiba mendidik dan melatih kita agar jadi insan pemurah dan peduli. Marilah kita sama-sama mengambil manfaat dengan memperbanyakkan ibadah, menunaikan zakat fitrah dan zakat harta serta bersedekah sempena kedatangan bulan yang mulia ini. Diberitakan dalam sebuah hadis oleh Anas r.a bahawa:

سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّ الصَّوْمِ أَفْضَلُ بَعْدَ رَمَضَانَ؟
 قَالَ : شَعْبَانَ لِتَعْظِيمِ رَمَضَانَ . قَالَ فَأَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ الصَّدَقَةُ
 فِي رَمَضَانَ .

Maksudnya: “Nabi s.a.w ditanya : “Puasa apakah yang lebih utama sesudah (puasa) Ramadan?” Baginda menjawab : “Puasa Syaaban kerana mengagungkan bulan Ramadan” Ia ditanya lagi : “Sedekah apakah yang paling utama?” Baginda menjawab : “Sedekah pada bulan Ramadan.”

(HR al-Tirmizi)

Dalam konteks ini, mimbar Jumaat menyeru kepada saudara muslimin sekalian, agar menunaikan ibadah zakat harta di Pusat Zakat Sabah (MUIS) dan membayar zakat fitrah kepada amil-amil bertauliah yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah yang merupakan pihak yang dipertanggungjawabkan oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat di negeri Sabah. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Nisa ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن
 نَّزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
 الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya “Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu, kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

(QS al-Nisa(4): 59)

Dalam pada itu Muzakarah kali ke 76 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 21 November 2006 telah memutuskan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (Amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Ini sejajar dengan Enakmen Zakat Dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993 Seksyen 61 (kurungan satu) yang memperuntukkan:

- a) Mana-mana orang dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah yang bertanggung ke atasnya untuk membayar, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman dengan tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.
- b) Mahkamah (Mahkamah Syariah), boleh memerintah supaya zakat dan fitrah itu dijelaskan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Manakala Seksyen 67 (kurungan satu), menegaskan mana-mana orang yang sebagai tidak dibenarkan Enakmen ini untuk berbuat sedemikian (yakni *Pemungutan Zakat Tak Berkebenaran*) atau cuba memungut Zakat atau Penalti di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ
 لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepada-Nya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: “Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.”

(QS al-Munafiqun (63) : 10)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
 الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
 الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
 الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
 فَوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.